



**KETUA PENGARAH PERIKANAN  
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN**  
*Director General  
Department of Fisheries Malaysia  
Ministry of Agriculture and Food Industries*  
**ARAS 6, BLOK 4G2, WISMA TANI  
NO. 30, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4  
62628 PUTRAJAYA**



03-88704009



[ukk@dof.gov.my](mailto:ukk@dof.gov.my)

<https://www.dof.gov.my>

---

## **KENYATAAN MEDIA PENYERAHAN KUASA PERIKANAN LAUT DALAM JABATAN PERIKANAN MALAYSIA KEPADA JABATAN PERIKANAN LAUT SARAWAK**

---

23 OGOS 2022, Kuching – Majlis Penyerahan Surat Empowerment (Penurunan Kuasa) kepada Kerajaan Negeri Sarawak khususnya bagi Pelesenan Perikanan Laut Dalam telah disempurnakan oleh YB Datuk Seri Dr Ronald Kiandee, Menteri Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) dan disaksikan oleh YB Datuk Amar Haji Awang Tengah Bin Ali Hasan, Timbalan Premier Sarawak bertempat di Borneo Convention Centre Kuching (BCCK) pada hari ini.

Pada 18 Oktober 2021 lalu, Majlis Khas Mengenai Perjanjian Malaysia 1963 (MKMA63) telah meluluskan penurunan kuasa kepada Jabatan Perikanan Laut Sarawak (JPLS) dan Kementerian Pemodenan Pertanian dan Pembangunan Wilayah Sarawak (MANRED) untuk melaksanakan urusan pengeluaran permit dan lesen laut dalam bagi vesel penangkapan ikan zon C2 di Sarawak. Syarat-syarat *empowerment* juga telah dipersetujui secara prinsip oleh Kerajaan Negeri Sarawak melalui surat rasmi bertarikh 7 Jun 2022.

Dr Ronald berkata inisiatif pelaksanaan empowerment atau penurunan kuasa kepada Kerajaan Sarawak bagi urusan Pelesenan Perikanan Laut Dalam ini dapat memanfaatkan Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri sesuai dengan objektifnya, termasuk pengurusan sumber perikanan, keselamatan perairan dan hubungan antarabangsa yang lebih mampan.

Beliau turut menyatakan bahawa status terkini kuota vesel penangkapan ikan laut dalam yang boleh dilesenkan di perairan Sarawak adalah sebanyak 560 buah vessel.

“Penambahan vesel laut dalam serta pengurusan sumber perikanan secara mampan di seluruh perairan Sarawak akan dapat terus menjamin hasil tangkapan ikan selain membangunkan pelbagai perkhidmatan lain di sepanjang rantai nilai termasuk industri hiliran yang dapat meningkatkan hasil ekonomi nelayan tempatan,” ujar beliau.

Datuk Amar Haji Awang Tengah turut berkata, adalah menjadi harapan Kerajaan Sarawak agar pelaksanaan *empowerment* perikanan laut dalam ini akan memacu pembangunan industri perikanan ke arah menjadikan Sarawak sebagai hab pengeluar perikanan utama di rantau ini.

“Hasil tangkapan perikanan di perairan Sarawak perlu diberikan perhatian, diurus dan dieksploitasi dengan baik bagi meningkatkan pendaratan ikan dan hasil ekonomi nelayan tempatan,” kata beliau.

Dengan adanya penurunan kuasa ini, Kementerian Pemodenan Pertanian dan Pembangunan Wilayah Sarawak (MANRED) kini dalam rancangan untuk menubuhkan sebuah jabatan baru iaitu Jabatan Perikanan Sarawak, supaya dapat melaksanakan dasar dan rancangan bagi mentransformasikan sektor perikanan di Sarawak.

Pada masa kini, Sarawak mempunyai seramai 10,828 orang nelayan dan 5,103 buah vesel yang telah menghasilkan sejumlah 125 ribu tan metrik ikan setahun dengan nilai melebihi RM 716 juta.

Dalam RMKe12, Jabatan Perikanan Laut Sarawak (JPLS) telah mendapat peruntukan lebih RM17 juta bagi menguruskan sumber perikanan dan meningkatkan pengeluaran ikan negara bagi menjamin bekalan ikan di Sarawak.

Turut bersama dalam majlis YB Dato Sri Dr. Stephen Rundi Anak Utom, Menteri MANRED; YB Datuk Dr. Haji Abdul Rahman Bin Haji Ismail, Timbalan Menteri 1 MANRED, YB Tuan Maclaine @ Martin Ben, Timbalan Menteri 2 MANRED, YBhg. Datu Edwin Abit, Setiusaha Tetap MANRED dan YBrs. Tuan Haji Wan Muhammad Aznan Bin Abdullah, Timbalan Ketua Pengarah Perikanan (Pengurusan) Jabatan Perikanan Malaysia (DOF).

###

Kenyataan media ini disiarkan oleh :

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT**

Ibu Pejabat, Jabatan Perikanan Malaysia

Wisma Tani, Putrajaya

**23 Ogos 2022 (Selasa)**

Sebarang pertanyaan sila hubungi :-

No. Tel: 017-794 7799 (Mohd Nizam : Ketua Unit)

012-664 9570 (Nur Aqilah)

Email : [ukk@dof.gov.my](mailto:ukk@dof.gov.my) ; [pro@dof.gov.my](mailto:pro@dof.gov.my)